

Bayi derita saluran pernafasan tertutup

Terpaksa bergantung alat bantuan untuk terus hidup

BATU PAHAT - "Sejak lahir, inilah keadaannya. Doktor sahkan dia alami kesukaran untuk bernafas dan terpaksa bergantung alat bantuan pernafasan untuk terus hidup," kata Juliana Mohd Safuan, 35.

Anaknya, Qaireen Aryana Armeen, 1, mengalami masalah saluran pernafasan tidak normal dan tertutup, selain paru-paru kiri-nya gagal berfungsi dengan baik.

Menurut Juliana, anak bongsu daripada tiga beradik itu tidak boleh ditinggalkan dan perlu penjaga-an yang rapi, memaksa mereka se-keluarga bergilir-gilir memantau kesihatannya setiap hari.

Katanya, doktor terpaksa me-nebuk saluran pernafasan khas di-leher anaknya untuk bernafas dengan alat bantuan, selain pinggang turut ditebuk untuk membuang air.

"Kami sekeluarga juga perlu ke Hospital Serdang, Selangor setiap bulan untuk pemeriksaan Qaireen dan juga alat pernafasan yang di-gunkannya, sama ada ia berfungsi dengan baik atau tidak.

"Selain itu, kami juga perlu ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) untuk pemeriksaan rutin pada setiap minggu," katanya ke-tika ditemui di rumahnya di Taman Industri Sri Sulong, semalam.

Terdahulu, keluarga berkenaan menerima kunjungan Ahli



Noraini (dua, kiri) melihat Juliana menguruskan anaknya, Qaireen Aryana di rumahnya di Taman Industri Sri Sulong, semalam.

Parlimen Parit Sulong, Datuk Dr Noraini Ahmad sempena program Menyusur Akar.

Program anjuran Pusat Khidmat Ahli Parlimen Parit Sulong itu di-adakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Baitulmal dan Hospital Pakar Putra Batu Pahat.

Juliana berkata, anaknya hanya boleh minum susu khas yang harga-nya agak tinggi.

"Itu belum lagi kos-kos lain termasuk ulang-alik ke hospital. Memang banyak guna duit.

"Saya cuma harap anak saya ini sembuh dan dapat membesar seperti kanak-kanak normal lain," katanya.

Sementara itu, Noraini berkata,

pihaknya akan berurusan dengan JKM dan Baitulmal untuk melihat bantuan yang boleh disalurkan.

Katanya, melalui semakan awal setakat ini masih belum ada rekod keluarga itu menerima bantuan.

"Kami akan usaha untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan rekod permohonan atau bantuan yang ada dan sekiranya keluarga ini layak mendapatkan bantu-an, kita akan panjangkannya kepada agensi berkaitan," katanya.

Orang ramai yang mahu me-ngetahui lebih lanjut keadaan Qaireen Aryana atau ingin mem-bantu boleh berhubung dengan ketua masyarakat kawasan ber-kenaan, Md Said Kamuri di talian 012-7521 789.